



Glamourous Superstar Rai Warga Komunikasi UMS

oleh: Nurlan Nurdin & Nabila Nur Hida

KHAMIS, 18 APRIL - Kelab Komunikasi Sekolah Sains Sosial (SSS) mengadakan Majlis Makan Malam Komunikasi 2014 di Grand Ballroom Utama 1Borneo. Majlis tersebut dirasmikan oleh Dekan SSS, Prof. Dato' Mohd. Hamdan Hj. Adnan, diiringi oleh Ketua Program Komunikasi, Puan Norhuda Salleh.

Majlis yang bertemakan *Glamorous Superstar* ini, dihadiri oleh pelajar dan tenaga pengajar program Komunikasi. Majlis diserikan lagi dengan persembahan pertunjukan fesyen oleh pelajar tahun satu.

"Saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan Kelab Komunikasi yang bertungkus

lumus bagi menganjurkan majlis makan malam ini", kata Prof. Dato' Mohd. Hamdan Hj. Adnan ketika merasmikan majlis ini.

Pelancaran logo baru bagi Kelab Komunikasi SSS juga diadakan dan dirasmikan sekali oleh Dekan Sekolah.

Pada majlis tersebut, pelbagai anugerah diberikan kepada mereka yang tercalon termasuk pensyarah, pelajar senior dan junior. Cabutan bertuah turut diadakan pada majlis tersebut.

Dewan majlis meriah dengan persembahan nyanyian oleh para pemenang Voice Star dan tarian yang dipersembahkan oleh pelajar Komunikasi. Juara Voice Star, Des Ren telah mendendangkan lagu Mimpi Yang Tak Sudah.

Majlis tersebut dimeriahkan lagi dengan persembahan tarian daripada pelajar tahun dua dan tahun tiga bagi menggantikan lagi Majlis Makan Malam Komunikasi. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar bagi pelajar Komunikasi bersama-sama dengan pensyarah Komunikasi.



Dekan Sekolah Sains Sosial, Prof Dato' Hamdan Adnan semasa ucapan Majlis Perasmian.



Pelancaran logo baru Kelab Komunikasi Sekolah Sains Sosial.